

# Rizab Biosfera Bukit Bendera

Pada 15 September 2021, Rizab Biosfera Bukit Bendera (PHBR) yang terdiri daripada Bukit Bendera sebagai taman pusat, enam hutan simpan kekal, dua empangan dan beberapa kawasan tадahan air telah diisytiharkan sebagai tapak Rizab Biosfera UNESCO di bawah Program Manusia dan Biosfera (MAB) setelah bertahun-tahun penyelidikan dan kerjasama antara The Habitat Group, ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia dan pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta sokongan jitu dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)

## Pengalaman Pelbagai Sensasi di Puncak Tertinggi Pulau Pinang

Selamat datang ke Bukit Bendera, puncak tertinggi di Pulau Pinang yang menawarkan pelbagai aktiviti dan tempat tarikan pelancongan sepanjang tahun.

Ditemui dan diterokai oleh pihak British pada lewat tahun 1700-an, Bukit Bendera adalah salah satu bukit penjajah British yang tertua di Asia Tenggara.

### 1700-an

Kaedah pengangkutan paling awal di Bukit Bendera adalah kuda 'Doolies', di mana tuan majikan dibawa ke puncak bukit di atas kerusi sedan khas. Bukit Bendera mempunyai satu-satunya stesen kereta api bukit penjajah yang tertua di negara ini.

### 1800-an

Bukit Bendera mempunyai beberapa rumah agam banglo yang memaparkan seni bina gabungan kolonial ala British dan seni bina moden Asia sejak zaman penempatan British awal sekitar tahun 1800-an di Pulau Pinang. Bangunan tertua di sini, Rumah Banglo Convalescent, dibina pada tahun 1803. Beberapa rumah agam banglo yang lain dibina seiringan, seperti Banglo Bel Retiro, Banglo Richmond dan Banglo Fernhill yang masih kukuh sehingga hari ini.

### 1900-an

Sistem Kereta Api Funikular yang dibina pada tahun 1901 dan disiap-bina pada tahun 1905 merupakan kaedah pengangkutan kedua ke Bukit Bendera. Namun, disebabkan kesulitan teknikal, ia tidak pernah beroperasi. Landasan kereta api kedua dirancang pada tahun 1909, dan kerja pembinaan bermula pada tahun 1914 dengan bajet sebanyak 1.5 juta Dolar Selat. Pada 1 Januari 1924, landasan kereta api funikular sepanjang 2,007 meter dirasmikan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat pada masa itu, Sir L.N. Guillemand. Kerja naik taraf terakhir dijalankan pada tahun 1977 dan kerja baik pulih keseluruhan pada tahun 2010.

### 2011

Sistem Kereta Api Funikular yang terkini merupakan generasi ke-4 dan telah dibina pada tahun 2011. Sistem ini mampu bergerak sepanjang landasan 1,996 meter dalam masa 5 minit, menjadikannya sistem funikular yang paling laju, tercuram dan terpanjang di rantau ini.



### Kaunter Tiket

Harian : 6.15 pagi - 8.00 malam

### Jadual Funikular

Harian : 6.30 pagi - 10.00 malam  
(Kereta api berlepas setiap 30 minit)

Tempoh Perjalanan : 5 minit - 15 minit (Tanpa berhenti)  
(Berhenti di sub-stesen\*)

\*Funikular berhenti di sub-stesen setiap 30 minit kecuali semasa musim puncak

### Tambang Funikular

Sila kunjungi [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my) untuk tambang kereta api terkini



### Arahan ke Destinasi

- Teksi / Kereta (Waze / Google Maps) :  
○ Stesen Bawah, Bukit Bendera
- Bas Rapid - 204 (Dari Jeti / Komtar ke Bukit Bendera)

Muat naik kenangan indah pengunjungan anda dan hashtag #mypenanghill pada laman media sosial kami!

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

### PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Air Itam, Pulau Pinang.

Tel: 04-828 8880 / 828 8861 Faks: 04-828 8868

E-mel: [inquiries@penanghill.gov.my](mailto:inquiries@penanghill.gov.my)

(Waktu Pejabat sahaja: Isnin - Jumaat, 8.00 pagi - 5.00 petang)




# Bukit Bendera

## Bukit Peranginan Pilihan di Malaysia

### Rizab Biosfera Bukit Bendera:

Senarai Pemuliharaan UNESCO terbaru di Malaysia






Bangun awal dan menaiki kereta api pertama ke puncak bukit, anda akan menikmati pemandangan subuh yang sungguh luar biasa. Pada hari yang cerah, anda dapat menghayati matahari terbit yang megah, manakala pada hari yang lebih dingin, rasailah kabus putih bak gula-gula kapas menyelimuti di puncak bukit.

Bukit Bendera merangkumi 6 puncak bukit, dan yang tertinggi berketetinggian 833 meter (2,723 kaki) atas paras laut, memberikan pemandangan yang terindah di seluruh Pulau Pinang. Dari 'Sky Walk' dan Dek Pemandangan yang seiringan, nikmatilah pemandangan 180° bandar Georgetown yang mempesonakan.

Menjelang waktu senja, ketika matahari terbenam di garis ufuk dan cahaya langit terang berunsur menuju malam, bandar Georgetown di kaki bukit semakin berkelipan. Bukit Bendera sentiasa mengilhamkan pengalaman yang baru, bermakna dan penuh kenangan. Jika anda ingin beristirahat di puncak bukit selepas petang, kereta api terakhir ke kaki bukit selepas petang, kereta api terakhir ke kaki bukit berlepas pada pukul 10 malam.



# Sentuh



Menjejak langkah di pangkuhan alam sekitar sambil menikmati keindahan flora dan fauna. Laluan yang menghijau menawarkan lokasi yang sempurna untuk menjejak tumbuh-tumbuhan eksotik dan yang paling dicari di seluruh dunia seperti pokok Periuk Kera dan spesis orkid yang istimewa iaitu 'Slipper Orchid'.

Meneroka kehijauan Bukit Bendera yang beralun dan menemui kecantikan alam sekitar. Sama ada merentasi laluan pejalan kaki yang kemas, ataupun menerusi jalan pintas yang mencabar, banyak lagi pusaka alam kehijauan yang menanti anda di Bukit Bendera!



Melepaskan diri dari suasana bandar yang hiruk-pikuk dan menikmati suasana dingin dengan suhu 18°C - 26°C. Keheningan di puncak bukit akan mengurangkan tekanan harian anda, memberikan anda ketenangan jiwa ketika anda menghirup udara yang segar dan nyaman.



Menemu Lotong Kelabu yang comel dengan bulatan bulu putih di sekeliling kelopak matanya yang seakan-akan cermin mata

Selain itu, bangunan dan rumah agam banglo warisan kolonial pra-perang yang terletak di antara pokok menghijau memang senario yang luar biasa. Merasai keindahan kawasan luar bandar ala-Eropah sedangkan anda berada dalam dakapan hutan hujan tropika.



Tupai Gergasi hitam merupakan salah satu spesis tupai yang terbesar di dunia



Jikalau anda bertuah, anda akan menemui beberapa haiwan kecil yang jarang kelihatan seperti Lotong Kelabu, Tupai Gergasi Hitam dan juga Burung Cecawi Anting-anting di pangkuhan hutan hujan tropika Bukit Bendera ini. Mereka boleh ditemui sekali-sekala ketika pertengahan hari dan juga lewat petang.


# Nikmat

# Selamat Datang ke Tapak Rizab Biosfera UNESCO yang terbaru di Malaysia

## Bukit Bendera - Bukit Peranganan Pilihan di Malaysia

### Gabungan sejarah, alam semulajadi dan budaya warisan yang sempurna!

Nikmati keajaiban alam semulajadi di tengah-tengah salah satu hutan hujan tertua di rantau ini! Berjalan di sepanjang laluan pejalan kaki unik ini yang membolehkan anda melihat struktur warisan yang dibina pada era penjajahan British yang pasti akan membawa anda ke masa lalu. Tarikan lain termasuk taman luaran, kemudahan eko-pelancongan, restoran al-fresco ala Inggeris, kafe makanan dan lain-lain.



\*Peta tidak berskala

#### 1 KOC KERETAPI GENERASI PERTAMA

● 5 Minit  
Kembali ke masa lalu dan hayati keistimewaan koc keretapi berasjerah ini yang telah beroperasi sejak dari 1923 hingga 1977.



#### 2 TEDDYVILLE MUSEUM

Bayaran Masuk Dikenakan  
● 5 Minit  
Datanglah untuk menerokaikan dunia pelbagai jenis patung beruang yang comel dan menyeronokkan.



#### 3 ASTAKA BUKIT BENDERA

● 5 Minit  
Bangunan ini mempunyai gerai yang menawarkan pelbagai jenis makanan tempatan, minuman, pencuci mulut serta kedai cenderamata.



#### 4 LALUAN EL

● 2 Minit  
Nikmatilah pemandangan indah sambil berjalan di sepanjang laluan pejalan kaki berbunguran dari Stesen Atas Bukit Bendera menuju ke Astaka (Cliff Café).




#### 5 SKYWALK

● 10 Minit  
Dek mengelilingi puncak yang menawarkan pemandangan 360° bandar George Town, Seberang Perai serta kedua-dua jambatan ikonik Pulau Putri.



#### 6 RESTORAN DAVID BROWN'S

● 5 Minit  
Restoran Inggeris tertinggi di Pulau Pinang yang mendawarkan menu yang menyelerakan dengan pemandangan yang menakjubkan.



#### 7 SKYDECK (TIMUR)

● 10 Minit  
● 15 Minit  
Di sini terletaknya pintu gerbang berbentuk Cinta, Kampung Orang Kerdil dan Taman Arnab untuk dikunjungi.



#### 8 SKYDECK (BARAT)

● 15 Minit

Lokasi indah bagi menikmati pemandangan yang cantik.

#### 9 KOTA DINE & COFFEE AND THE LOAF RAILWAY CAFE

● 12 Minit  
Menjamu selera di banglo warisan ini dengan masakan unik citarasa British, Malaysia dan Nonya. Anda juga boleh menikmati pelbagai pastri, makanan ringan bersama dengan kopi dan minuman rekaan tersendiri.



#### 10 LITTLE VILLAGE

Bayaran Masuk Dikenakan  
● 8 Minit  
Untuk para pendaki dan peneroka yang berminat untuk meneroka lebih lanjut mengenai stesen yang tertua di Semenanjung Malaysia melalui pemandu pelancong.



#### 11 SENI LUKIS INAI & SPA

● 5 Minit  
Senarai untuk menolak reka bentuk Mehndi halus di tangan yang dilukis oleh artis henna di Bukit Bendera.




#### 12 KACANG PUTIH BUKIT BENDERA

● 5 Minit  
Gerai ini menjual pelbagai jenis kacang dan snek rangup dengan ramuan rumpun-ratus rahsia keluarga turun-temurun lebih dari 4 generasi.



#### 13 NATUREWALKS

● 5 Minit  
Untuk para pendaki dan peneroka yang berminat untuk meneroka lebih lanjut mengenai stesen yang tertua di Semenanjung Malaysia melalui pemandu pelancong.



#### 14 HOTEL BELLEVUE

● 15 Minit  
Struktur berasjerah ini menawarkan penginapan dan beberapa pemandangan panorama bandar George Town.



#### 15 MUZIUM MAINAN & PAWAGAM 5D

Bayaran Masuk Dikenakan  
● 9 Minit  
Tarikan 2-dalam-1 yang sesuai untuk kanak-kanak dan mampu menghidupkan sifat keanekaragaman diri kita.



#### 16 KUIL SRI ARULOLI THIRUMURUGAN

● 10 Minit  
Lebih dikenali sebagai Kuil Hindu Bukit Bendera dan antara yang tertua di Pulau Pinang, ia dibina pada tahun 1800-an dan merupakan kuil suci dewa hindu, Murugan.



#### 17 THE HABITAT PENANG HILL

Bayaran Masuk Dikenakan  
● 10 Minit  
Pusat penemuan eko-pelancongan ini menawarkan pengalaman hutan hujan yang unik, terutamanya kepada pencinta alam semulajadi.



#### 18 KUIL SRI ARULOLI THIRUMURUGAN

● 10 Minit  
Lebih dikenali sebagai Kuil Hindu Bukit Bendera dan antara yang tertua di Pulau Pinang, ia dibina pada tahun 1800-an dan merupakan kuil suci dewa hindu, Murugan.



#### 19 MERIAM 32-PAUN

● 10 Minit  
Dengan keberatan sebanyak 2.75 tan, meriam kuat ini mampu melepaskan peluru meriam seberat 32 paund pada kelajuan 1600 kaki setiap.



#### 20 MASJID BUKIT BENDERA

● 10 Minit  
Menara dan Kubu Masjid Bukit Bendera ini membawa sentuhan unsur-unsur seni bina Islam berbeza daripada bangunan-bangunan kolonial Bukit Bendera yang lain.



#### 21 PINTU GERBANG BEL RETIRO

● 12 Minit  
Struktur sejarah yang dibina pada tahun 1789 untuk gubernor Pulau Pinang ini mempunyai rekaan klasik dan pernah dikunjungi oleh kerabat diraja dan tokoh-tokoh terkenama.



#### 22 PETI SURAT VICTORIAN

● 12 Minit  
Salah satu peti surat tertua di Pulau Pinang, Lambang VR menunjukkan bahanwa ia didirikan semasa tempoh pemerintahan Queen Victoria (1837 – 1901).



#### 23 HILLSIDE RETREAT

● 10 Minit  
Banglo warisan ini telah diubahsuai menjadi tempat percutian selesa yang dikelilingi oleh alam semulajadi.



#### 24 MONKEY CUP GARDEN

Bayaran Masuk Dikenakan  
● 30 Minit  
Taman yang memperkenalkan pelbagai jenis tumbuhan-tumbuhan peruk kera dari Malaysia dan Indonesia.



Hail Imbas saya untuk melihat / memuat turun Panduan Pelawat secara digital di telefon bimbit.

## PETUNJUK

- Kaunter Informasi Renjer PBBPP
- Kaunter Perkhidmatan Buggy/Jip
- Anggaran tempoh masa dari Stesen Atas
- Automated External Defibrillator
- Klinik
- Pelawan
- Balai Polis
- Laluan Warisan
- Laluan EL
- Laluan Pejalan Kaki
- Substesen
- Bullock
- Dataran
- Restoran
- Kawasan Rehat
- Black Giant Squirrel
- Dusky Leaf Monkey
- Taman Permainan